SAMPEL PERCUMA

Soalan Sejarah Tingkatan 5 Bab 8 Membina Kemakmuran Negara + Jawapan

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

BAB 8 : MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA

1 Maklumat berikut berkaitan dengan strategi Dasar Ekonomi Baru (DEB).

ms: 167

- Membasmi kemiskinan
- X

Apakah X?

A Menambah peluang pekerjaan

B Menyusun semula masyarakat

C Memacu peranan sektor swasta

D Memperkukuh perpaduan rakyat

2 Rancangan Buku Hijau peringkat kebangsaan telah dilancarkan oleh Tun Abdul Razak Hussein pada 20 Disember 1974.

ms: 169 Mengapakah Rancangan Buku Hijau diperkenalkan?

A Memajukan pelbagai jenis perindustrian

B Mempercepatkan pembangunan wilayah

C Menggalakkan kemasukan pelabur asing

D Menambah pengeluaran bahan makanan

3 Jadual 1 berkaitan dengan agensi yang ditubuhkan oleh kerajaan.

ms: 169

Tahun	Agensi
1973	Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)

Jadual 1

Bagaimanakah agensi tersebut membantu petani?

A Menstabilkan harga padi

B Melalui kegiatan koperasi

C Memasarkan hasil tanaman

D Membantu penanaman getah

4 Senarai di bawah merujuk kepada dana unit amanah yang dilancarkan dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB).

ms: 172

- Amanah Saham Nasional (ASN)
- Amanah Saham Bumiputera (ASB)

Apakah kepentingan program tersebut?

A Memberi kemudahan kredit

B Menawarkan kursus kemahiran

C Menambah pemilikan saham bumiputera

D Menggalakkan orang ramai membuat pelaburan

5 Pembangunan kemudahan fizikal dan alam sekitar dititikberatkan dalam Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

ms: 175

Bagaimanakah usaha tersebut dilaksanakan?

A Pembukaan tanah baharu

B Penggunaan teknologi hijau

C Program Penanaman semula

D Penguatkuasaan undang-undang

6 Agensi berikut telah diswastakan oleh kerajaan melalui Dasar Penswastaan.

ms: 178

- Keretapi Tanah Melayu - Keretapi Tanah Melayu Berhad
- Jabatan Penerbangan Awam - Malaysia Airports Berhad

Apakah faktor yang mempengaruhi tindakan tersebut?

I Meluaskan pasaran

II Meningkatkan produktiviti

III Menambahkan kualiti perkhidmatan

IV Mengimbangi pemilikan harta antara kaum

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

7 Apakah usaha kerajaan untuk memperbaiki ketidakseimbangan pembangunan wilayah dalam Dasar Pembangunan Nasional (DPN)?

ms: 179

A Penyebaran industri terpilih

B Pelaburan asing dipertingkatkan

C Pelaksanaan program pembangunan bandar

D Penglibatan bumiputera dalam sektor perusahaan

8 Jadual 2 menunjukkan penurunan kadar kemiskinan yang dicapai di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

ms: 180

Dasar	Penurunan Kadar Kemiskinan / Tahun
DEB	49.3% (1970) 17.1% (1990)
DPN	7.2% (2000)

Mengapakah berlaku penurunan kadar kemiskinan tersebut?

A Kerjasama antara kaum

B Kewujudan bandar terancang

C Kepelbagaian kegiatan ekonomi

D Kecekapan Perkhidmatan awam

9 Kawasan Estet Perindustrian dibangunkan sebagai bandar terancang yang lengkap hasil kejayaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

ms: 186 Apakah badan yang dipertanggungjawabkan terhadap kawasan perindustrian tersebut?

A Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN)

B Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)

C Majlis Perundingan Negara (MAPEN)

D Majlis Amanah Rakyat (MARA)

10 Jadual 3 menunjukkan perkembangan industri kereta buatan Malaysia.

ms: 187

Perusahaan	Tahun Penubuhan	Contoh Kereta
PROTON	1983	Saga Waja Persona
PERODUA	1993	Kancil Axia Alza

Apakah kesan perkembangan tersebut?

A Meningkatkan perdagangan antarabangsa

B Membentuk kelas bumiputera komersial

C Memajukan sistem perhubungan

D Membuka peluang pekerjaan

BAB 8	JAWAPAN
1	B
2	D
3	B
4	C
5	B
6	C
7	A
8	C
9	A
10	D

BAB 8 : MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA

BAHAGIAN A (STRUKTUR)

8.3 Pembentukan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

1 Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1) dan DEB berakhir pada tahun 1990. Usaha yang dilaksanakan melalui DEB diteruskan pula oleh Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

BUKU TEKS 174

(a) Mengapakah kerajaan memberi penekanan kepada dasar-dasar di atas?

_____

_____

_____

[2 markah]

(b) Jelaskan strategi kerajaan bagi mencapai matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

_____

_____

_____

_____

_____

_____

[4 markah]

(c) Apakah cabaran bagi mencapai matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN) ***KBAT***

_____

_____

_____

_____

_____

_____

[4 markah]


BAB 8 : MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA

BAHAGIAN B (ESEI)

8.5 Pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

1. Rajah berikut berkaitan dengan pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dalam aspek pengangkutan dan perhubungan.

BUKU TEKS 182







Pembangunan ekonomi memberikan kesan terhadap pemodenan pengangkutan awam. Pelaburan di buat oleh pihak kerajaan dan swasta dalam bidang pengangkutan untuk memenuhi keperluan perindustrian serta perdagangan.

(a) Bagaimanakah Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dapat meningkatkan pencapaian ekonomi dari aspek sosial?

[6 markah]

(b) Terangkan kesan pemodenan pengangkutan awam dalam meningkatkan taraf hidup penduduk.

[6 markah]

(c) Sejauh manakah pengangkutan awam mampu menghasilkan peningkatan kualiti hidup masyarakat pada masa akan datang? Buktikan. ***KBAT***

[8 markah]

SKEMA

BAB 8 : MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA

BAHAGIAN A (STRUKTUR)

Soalan		Cadangan	Markah
1 (a)		**Mengapakah kerajaan memberi penekanan kepada dasar-dasar di atas?**	
	F1	Membasmi kemiskinan	1
	F2	Mencapai perpaduan melalui pengagihan kekayaan	1
	F3	Menyusun semula masyarakat	1
	F4	Mewujudkan pembangunan yang seimbang	1
	F5	Mewujudkan masyarakat bersatu padu	1
	F6	Mengekalkan pembangunan ekonomi	1
	F7	Membolehkan Malaysia mencapai taraf negara maju	1
	F8	Memperbaik ketidakseimbangan sosial dan ekonomi antara kaum	1
		Mana-mana jawapan munasabah	
			[2 m]
(b)	(i)	**Jelaskan strategi kerajaan bagi mencapai matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN)**	
	F1	Penglibatan aktif pihak swasta dalam pembangunan ekonomi negara	1
	F2	Melaksanakan program penanaman semula	1
	F3	Penggunaan sains dan teknologi	1
	F4	Meningkatkan pemilikan saham bumiputera	1
	F5	Memberikan insentif serta kemudahan pendidikan untuk kemajuan masyarakat miskin tanpa mengira kaum	1
	F6	Mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera	1
	F7	Membentuk masyarakat yang berdisiplin dan progresif	1
	F8	Menyediakan dan menambah baik kemudahan asas	1
	F9	Pembangunan mapan tanpa mengabaikan alam sekitar	1
			[4 m]

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar